

23 OCT 2003

Huhtala-Yahudi/I

DUTA AMERIKA TERKEJUT KUMPULAN PELOBI YAHUDI MAHU PULAU MALAYSIA

MELAKA, 23 Okt (Bernama) -- Duta Amerika ke Malaysia, Marie T Huhtala, berkata beliau terkejut dengan tindakan pelobi Yahudi yang berpejabat di negaranya, meminta pelbagai pihak supaya jangan melancong dan membuat pelaburan di Malaysia.

"Saya fikir ini satu langkah melampau yang diambil sebagai tindak balas terhadap komen yang dibuat oleh (Perdana Menteri, Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad) pada Sidang Kemuncak OIC minggu lepas," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Terdahulu, Huhtala menyampaikan geran berjumlah RM76,000 daripada Tabung Duta Amerika bagi Pemuliharaan Budaya kepada Badan Warisan bagi membiayai kerja memulihkan rumah kedai era Belanda di Jalan Tun Tan Cheng Lock yang telah disiapkan pada Mei lepas.

Huhtala membuat kenyataan itu apabila diminta mengulas tentang laporan media asing bahawa Simon Weisenthal Centre telah melancarkan serangan balas terhadap Dr Mahathir berikutan kenyataan beliau bahawa Yahudi adalah satu bangsa yang bongkak serta menuduh mereka menguasai dunia melalui proksi.

Menurut laporan berkenaan, badan pelobi itu menyeru pelabur dan pelancong supaya memulau Malaysia sehingga jelas bahawa para pemimpin selepas Dr Mahathir tidak memiliki pandangan seperti itu terhadap bangsa Yahudi.

"Saya rasa sukar bagi Malaysia untuk memahami betapa sensitifnya komen seperti itu (oleh Dr Mahathir) di Amerika dan kemarahan di dalam akhbar serta televisyen di seluruh negara saya.

"Moga-moga, kita dapat mengatasinya dan moga-moga juga, anda yang menjadi rakan saya di Malaysia, akan mula faham betapa sensitifnya perkara itu bagi semua rakyat Amerika dari semua agama apabila perdana menteri anda membuat kenyataan seperti itu," kata Huhtala yang menyesali perkara ini boleh berlaku.

Huhtala berkata beliau menghadiri sidang kemuncak itu dan mendapati ucapan Dr Mahathir yang meminta agar umat Islam menghentikan serangan pembom berani mati serta mengambil langkah berundur secara strategik sebagai sesuatu yang amat positif.

"Tapi, (mengatakan) Yahudi memerintah dunia secara proksi dan Yahudi menggunakan setiap orang untuk berperang dan mati untuk mereka, saya rasa itu sudah melampau," katanya.

Huhtala berkata beliau berharap kontroversi itu tidak memberi kesan berpanjangan kepada kedua-dua pihak.

"Tapi saya rasa adalah penting bagi kedua-dua pihak (rakyat Malaysia dan Amerika) benar-benar faham kenapa kenyataan Dr Mahathir itu begitu tidak menyenangkan kami.

"Jika kita dapat berbuat demikian, saya rasa kita akan mencapai banyak kemajuan dan saya sedang berusaha keras untuk memperbaiki hubungan kita," katanya.

Ditanya pendapatnya tentang Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada akhir bulan ini, Huhtala berkata Abdullah adalah pemimpin yang amat terkenal dan Amerika mengenali beliau sejak sekian lama.

"Dan saya rasa beliau akan dapat melaksanakan tugas dengan cemerlang (sebagai perdana menteri)," kata Huhtala.

-- BERNAMA

NO SP MAI

